

PUM : Pemimpin perlu sensitif isu aqidah, akur nasihat ulama
The Malaysian Insider
13 Februari , 2012
Oleh Mohd Farhan Darwis

KUALA LUMPUR, 13 Feb — Setiausaha Agung Persatuan Ulama Malaysia (PUM) menasihatkan pemimpin dan masyarakat awam agar lebih sensitif terhadap isu melibatkan aqidah dan syariat Islam, serta akur dengan nasihat dan pendirian ulama bagi memelihara kedaulatan Islam seperti yang diperuntukan dalam maqasid syariah.

Setiausaha Agung PUM, Dr Mohd Roslan Mohd Nor dalam satu kenyataan hari ini berkata, pihaknya juga mengharapkan pihak yang mempunyai autoriti agama daripada peringkat negeri mahupun kerajaan pusat memberikan nasihat dan pandangan yang betul kepada pemimpin.

“PUM amat mengharapkan semua pihak yang berautoriti dan mempunyai bidang kuasa agama termasuklah eksekutif, institusi mufti, penasihat agama, agensi agama persekutuan dan negeri, perlulah menyalurkan nasihat dan pandangan yang betul kepada para pemimpin di peringkat kerajaan persekutuan mahupun kerajaan negeri masing-masing dalam menangani isu ini.

“Dalam pada masa yang sama, seluruh pemimpin yang beragama Islam tersebut dinasihatkan supaya akur dengan pandangan ahli agama tersebut,” katanya.

Tambah Roslan, para pemimpin dan masyarakat bukan Islam juga diharapkan turut sama memahami serta menghormati prinsip teras Islam ini yang menjadi pegangan umat Islam. “Pendirian teras ini adalah sebahagian daripada kehendak ajaran agama Islam,” katanya. Menurut beliau, perkara tersebut mempunyai hubungkait dengan aqidah umat Islam, kerana aqidah adalah komponen teras dalam agama Islam.

“PUM berpandangan isu berkaitan penglibatan orang Islam dalam sambutan perayaan agama bukan Islam sepatutnya selesai jika semua pihak merujuk dan mengikut Garis Panduan Orang Islam Turut Merayakan Hari Kebesaran Agama Orang Bukan Islam yang telah diperakukan oleh Muzakarah Jawatankuasa Fatwa Kebangsaan kali ke-68 yang telah bersidang pada 12 April 2005, dan salinan Garis Panduan tersebut boleh diakses melalui laman web rasmi e-fatwa Jakim seperti di alamat www.e-fatwa.gov.my,” jelasnya.

Pihaknya melihat isu itu adalah mustahak dan perlu ditangani dengan segera kerana umat Islam akan terus berhadapan dengan perayaan bukan Islam.

Sehubungan itu, Roslan berkata, pihaknya mempelawa Jakim menganjurkan majlis dialog penerangan secara aktif kepada pemimpin dan masyarakat Islam berkenaan keputusan dasar itu.

“PUM juga bersedia bekerjasama dengan Jakim, Majlis dan Jabatan Agama Negeri, Jabatan Mufti Negeri dan lain-lain institusi untuk memberikan kefahaman dalam isu yang membangkit ini,” katanya lagi.

Mufti Perak Tan Sri Harussani Zakaria Jumaat lalu melahirkan rasa terkilan terhadap sikap

Datuk Seri Najib Razak yang menurutnya "menggadaikan akidah" apabila hadir dalam upacara keagamaan sempena sambutan perayaan Thaipusam di Batu Caves baru-baru ini.

Harussani menegaskan, walaupun sudah ditegur setiap tahun namun perdana menteri itu seolah-olah tidak memandang berat akan kepentingan agama Islam dan akidah.

Beliau menambah menteri hal ehwal agama Islam atau penasihat agama sepatutnya menasihatkan Najib agar tidak hadir dalam perayaan itu, sebaliknya hanya menghantar wakil bagi menggantikan dirinya.

The Malaysian Insider

Hakcipta © 2012 The Malaysian Insider

Source: <http://www.themalaysianinsider.com/bahasa/article/pum-pemimpin-perlu-sensitif-isu-aqidah-akur-nasihat-ulama/>